

MEREKABENTUK DAN MEMBINA
MEKANISMA KUNCI UNTUK JARING BESI TINGKAP
TAMPA MENGGUNAKAN KUNCI

YAHYA BIN SARIF
WAN MUHAMMAD NOR ISMADI BIN WAN ABDUL RAHMAN

KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Diploma Kejuruteraan Mekanikal
ITM SHAH ALAM

Desember 1989

PENGHARGAAN:

Di sini kami ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat bagi menyiapkan projek kami ini, terutama kepada penasihat projek iaitu Ir Dr. Ow Chee Sheng yang banyak memberi pandangan dan nasihat sejak mula projek dijalankan sehinggalah projek ini siap.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan SIRIM Shah Alam yang bersedia memberi pinjaman berbentuk rujukan-rujukan guna untuk mendapatkan maklumat tentang projek yang kami jalankan.

Tidak ketinggalan juga kepada kakitangan bengkel dan stor kajian mekanikal yang banyak memberi kemudahan peralatan dan teknikal sehinggalah projek ini dapat diselesaikan.

Akhirnya terima kasih diucapkan kepada pensyarah pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang memberi sedikit sebanyak pandangan dan komen yang membina terhadap projek kami ini.

KANDUNGAN:

Tajuk	(i)
Prakata	(ii)
Penghargaan	(iii)
Kandungan	(iv)
1) SINOPSIS	
2) PENGENALAN	3
3) KAEDAH SEDIA ADA BAGI KUNCI DAN SELAK	5
4) MASALAH TEMPATAN	6
5) CADANGAN MENGATASI MASALAH	7
6) PEMILIHAN REKABENTUK	8
7) KEBAIKAN KEBAIKAN	8
8) PERBINCANGAN	13
9) KESIMPULAN DAN CADANGAN	16
10) ANGGARAN HARGA	17
11) RUJUKAN	21
12) LAMPIRAN	22

1) SINOPSIS PROJEK

Laporan ini mengandungi segala butir-butir mengenai projek yang kami jalankan iaitu mereka bentuk dan membina mekanisme kunci untuk jaring besi tingkap tanpa menggunakan anak kunci atau kunci. Laporan ini terbahagi kepada beberapa bahagian di mana setiap bahagian akan menerangkan aspek bahagian masing-masing dari pendahuluan hingga kesimpulan dan cadangan serta rujukan.

Pendahuluan projek ini ialah kaedah sedia ada bagi kunci dan selak (lock and Latches) yang banyak digunakan di rumah di mana kesemuanya menggunakan anak kunci untuk membuka dan tutup.

Setelah masalah-masalah tempatan tentang pemasangan jaring tingkap diketahui, baharulah proses selanjutnya dilakukan iaitu membuat cadangan-cadangan supaya masalah yang timbul boleh diselesaikan atau sekurang-kurangnya dapat dikurangkan dengan kaedah rekabentuk mekanisme.

Bahagian seterusnya ialah membuat pemilihan rekabentuk yang sesuai yang boleh dipasang pada jaring besi tingkap. Pilihan rekabentuk yang dibuat pada projek ini ialah dengan mengubahsuai sebuah sistem kunci yang ada dipasaran (Mortice Door Lock) di mana ia menggunakan anak kunci untuk membuka dan menutup, diubahsuai supaya ia hanya boleh dibuka dan tutup dengan menggunakan sistem kabel dan dengan tindakan spring mampatan (Compression Spring).

Kemudian dalam bahagian perbincangan diterangkan tentang masalah-masalah yang timbul semasa menentukan mekanisme yang paling sesuai untuk dipilih dan seterusnya semasa pembinaan model dibuat.

Pada bahagian kesimpulan dan cadangan diterangkan bahawa projek yang dijalankan adalah berjaya kerana model dapat dibina dan

boleh berfungsi dengan baik. Dicadangkan juga supaya projek ini dapat diteruskan oleh mana mana pihak supaya ia dapat lebih diperbaiki dan seterusnya supaya ia boleh dipasarkan.

Akhirnya laporan projek ini mengandungi senarai rujukan rujukan yang diperolehi sama ada berbentuk piawai(Standard) atau buku teks sehingga terhasilnya idea menghasilkan rekabentuk kunci tanpa menggunakan anak kunci atau mangga kunci .